

C/03/02/2023

Khamis, 9 Februari 2023

Lembaga Tabung Angkatan Tentera adakan kunjungan hormat kepada Abang Johari

KUCHING, 9 Feb - Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) adakan kunjungan hormat kepada Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Dr Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg di Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia, di sini, pagi tadi.

Tujuan kunjungan hormat yang diketuai Ketua Eksekutif LTAT Dato' Nazim Othman tersebut adalah untuk membincangkan ruang kerjasama luas dalam aktiviti pelaburan bersama kerajaan negeri Sarawak.

Untuk rekod, LTAT telahpun mempunyai hubungan pelaburan langsung dan tidak langsung dengan kerajaan Sarawak sama ada pelaburan masuk atau pelaburan keluar melibatkan rakan strategik di negeri ini.

LTAT tertarik dengan polisi ekonomi Sarawak yang berpandangan jauh dan berwawasan seperti kelestarian alam sekitar, ekonomi hijau, ekonomi digital dan sebagainya.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Pelaburan Fitri Othman dan Pengarah Kanan Strategi Dayana Rogayah Omar. **-TAMAT-**

Disediakan oleh: Joshua Amir Sibat (BMKK)

Jurufoto: Chua Sim Choon (BKVS)

Keterangan gambar:

Foto 1- Nazim Othman berdiskusi bersama Abang Johari.

Foto 2- Nazim Othman (tiga kiri) menyerahkan cenderamata kepada Abang Johari (tiga kanan). Turut kelihatan ialah Ketua Pegawai Pelaburan, Fitri Othman (dua kiri) dan Pengarah Kanan Strategi Dayana Rogayah Omar (kiri).

Foto 3- Rombongan kunjungan hormat merakamkan gambar kenangan bersama Abang Johari.

Foto 4- Nazim Othman menyerahkan cendera kenangan kepada Abang Johari.